

## 1. MIDA unjur pelaburan 2014 cecah RM220b

Sasaran berdasarkan momentum pertumbuhan tahun lalu

Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan sederhana pelaburan yang diluluskan tahun ini, tetapi jumlahnya sekali lagi diunjurkan mencatat rekod tertinggi baharu pada RM220 bilion.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata unjuran itu berdasarkan prestasi MIDA yang sentiasa berjaya mencapai sasaran pelaburan ditetapkan.

Selain itu, unjuran itu juga disandarkan kepada momentum pertumbuhan pelaburan tahun lalu yang menyaksikan Malaysia mencatat rekod baru pelaburan keseluruhan diluluskan berjumlah RM216.5 bilion.

Meningkat 22 peratus

Jumlah pelaburan yang diluluskan tahun lalu adalah peningkatan sebanyak 22 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan pertumbuhan lebih kukuh dicatat sektor perkhidmatan, pembuatan dan sektor utama (termasuk minyak dan gas, perlombongan dan pertanian).

"Berdasarkan faktor itu serta pelaburan dalam perancangan, jumlah pelaburan tahun ini dijangka lebih baik daripada 2013," katanya.

Untuk 2014, MIDA menasaskan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM53 bilion dalam sektor pembuatan dan RM64 bilion dalam sektor perkhidmatan tidak termasuk hartanah.

Dua sektor berkenaan dijangka terus menjadi penyumbang utama pelaburan, selain sektor utama yang diunjur terus memberi sumbangan positif.

Jangkaan 2014

Mustapa berkata, selain prestasi MIDA dan rekod pencapaian pelaburan setakat ini, jumlah pelaburan 2014 juga dijangka lebih baik berdasarkan ekonomi negara yang diunjurkan berkembang antara 5.0 hingga 5.5 peratus, sejajar unjuran pertumbuhan ekonomi global 3.2 peratus.

Bagaimanapun katanya, musim kemarau melanda negara ketika ini mungkin menjejaskan sedikit sentimen pelaburan yang mana beliau dimaklumkan kesannya sudah mula dirasai sektor pertanian dan pelancongan, tetapi sektor perkilangan tidak terlalu terjejas.

"Jika kemarau berpanjangan hingga selepas Mac, kita perlu mengadakan penilaian pelaburan mengenainya kesannya, tetapi jika tidak berpanjangan, kesannya adalah kecil saja," katanya.

Tumpuan kerajaan dalam usaha menarik pelaburan kini ditumpukan terhadap pelaburan yang lebih berkualiti bagi meningkatkan daya saing negara berbanding negara ASEAN lain.

"Antara bidang khusus yang kini diberi keutamaan oleh kerajaan untuk menarik pelaburan ialah bidang khusus seperti reka bentuk cip, fotovoltan, wafer, peranti perubatan dan farmaseutikal," katanya.



Isnin, 3 Mac 2014

## **2. KWAP tingkat pelaburan ekuiti global**

Pengurus dana pencen tumpu sektor telekomunikasi, perbankan, teknologi

Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP), yang kini memiliki saiz dana lebih RM100 bilion, bercadang meningkatkan lagi pelaburannya dalam pasaran ekuiti di peringkat antarabangsa tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Wan Kamaruzaman Wan Ahmad (gambar), berkata peningkatan

pelaburan dalam pasaran ekuiti antarabangsa termasuk pasaran baharu itu adalah sejajar dengan rancangannya untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan bagi mengukuhkan lagi pulangan pelaburannya pada masa depan.

Tingkat peruntukan pelaburan

Beliau berkata, pengurus dana pencen itu bercadang meningkatkan peruntukan pelaburan dalam pasaran ekuiti antarabangsa daripada saiz dananya kepada 12.5 peratus tahun ini berbanding di bawah 10 peratus pada tahun lalu.



Selasa, 4 Mac 2014

### **3. Rasionalisasi subsidi lonjakkan ekonomi**

#### **Dasar inklusif catat nilai dagangan RM1.36 trilion**

Putrajaya: Kerajaan membuat tindakan tepat menerusi rasionalisasi subsidi bagi membantu melonjak ekonomi negara, dengan penjimatan digunakan menambah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, dasar bersifat inklusif dan mampan itu turut membantu perkembangan ekonomi apabila mencatat nilai dagangan RM1.36 trilion tahun lalu. "Kita berada pada landasan betul termasuk rasionalisasi subsidi, namun tidak mampu bertahan tanpa penambahbaikan dan pembangunan pada diri serta negara.

"Negara membelanjakan RM22 bilion untuk subsidi minyak, RM40 bilion subsidi dan insentif lain, manakala RM46 bilion untuk pembangunan, ini tidak seimbang.

"Perbelanjaan subsidi berlebihan mendatangkan ketirisan, pembaziran dan ketidakadilan. Ini menghalang kerajaan menyalurkan peruntukan lebih bagi pembangunan," katanya pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri, di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal.

Peruntukan pembanguna

Najib berkata, berdasarkan teori ekonomi, pengurangan subsidi boleh digunakan untuk menambah peruntukan pembangunan negara.

"Saya berharap dalam RMK-11 kita boleh tambah peruntukan bagi pembangunan sebab banyak lagi yang perlu kita lakukan membina lebih banyak sekolah, loji air, tebatan banjir dan jalan raya di kawasan bandar serta luar bandar.

"Semua ini memerlukan kos besar. Jadi, kita tidak boleh tambah melalui tambahan hutang, sebab kalau hutang bertambah ia menyebabkan ekonomi merudum," katanya.

Selain itu, langkah kerajaan mengurangkan subsidi pukal kepada subsidi bersasar juga memberi manfaat kepada rakyat yang memerlukan, terutama pemberian BR1M.

"BR1M 3.0 kita beri kepada 7.9 juta isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah dengan peruntukan RM4.6 bilion. Saya dapat maklumat banyak yang pergi ke Sogo pada Sabtu dan Ahad, pasar tani selain pasar minggu. Jadi, ekonomi tempatan berkembang dan ini memberi manfaat secara langsung berbanding subsidi pukal," jelas beliau.

Najib berkata, kerajaan peka terhadap masalah dihadapi rakyat yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup.

"Kita sensitif dengan isu ini. Kerana itu, jawatankuasa khas yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri ditubuhkan bertujuan mengambil langkah mengurangkan beban rakyat selain turun padang memantau harga," katanya.

#### 4. Kaji skim pekerja di bawah MOSTI

Putrajaya: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) meminta kerajaan mengkaji semula skim pekerja membabitkan tiga institusi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Presiden CUEPACS, Azih Muda, berkata ia membabitkan Institut Farmaseutikal dan Nutraceutikal Malaysia (IPharm), Institut Agro-Bioteknologikal Malaysia (ABI) dan Institut Genom Malaysia (MGI) yang bakal digabung di bawah Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM).

"Antara skim yang dilihat tidak memberi keadilan kepada pekerja tiga institusi ini ialah gaji, persaraan, kelayakan gratuiti dan skim perubatan yang tidak sama sebelum dikorporatkan," katanya dalam sidang media di Universiti Putra Malaysia malam tadi.

Pada 17 Februari lalu, Azih meminta MOSTI menangguhkan pelaksanaan pengkorporatan tiga institusi miliknya sehingga 1 Mac dan mencari jalan penyelesaian terbaik dalam permasalahan itu demi menjaga kebajikan kakitangan, namun langkah itu tetap diteruskan.

Justeru, CUEPACS meminta Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa, mengambil perhatian terhadap permasalahan itu kerana membabitkan kebajikan kakitangan institusi berkenaan untuk jangka panjang.

Azih berkata, pihaknya Cuepacs kesal dengan tindakan pengurusan tertinggi institusi terbabit yang dilihat seperti memaksa 71 kakitangannya untuk menandatangani skim korporat pada hujung Februari lalu.

"Selepas menerima tekanan pengurusan tertinggi, sama ada menerima tawaran atau diberhentikan kerja dan tidak dibayar gaji, kakitangan tiada pilihan selain menandatangani skim berkenaan," katanya. -

#### 5. KSU enggan kerjasama laksana SPA ditegur

Kuala Lumpur: Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian yang gagal memberi perhatian serius terhadap cadangan pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan (SPA) bagi menggantikan sistem perakaunan tunai ubah suai bermula Januari tahun depan, ditegur.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata maklumat yang diterima daripada Jabatan Akauntan Negara menunjukkan ada KSU yang enggan memberikan kerjasama dalam seminar yang diadakan sehingga menyukarkan jabatan memberikan penerangan terperinci mengenainya.

Mengakui SPA adalah sistem perakaunan kompleks, beliau berkata PAC bertanggungjawab memantau pelaksanaannya di peringkat Kerajaan Persekutuan yang akan bermula 1 Januari tahun depan, manakala kerajaan negeri setahun kemudian.


"PAC akan memastikan program latihan dan penerangan mengenai pelaksanaan SPA akan dapat dilaksanakan di setiap kementerian dengan kerjasama semua KSU.

"Oleh itu, KSU diharap memahami pelaksanaan sistem baru ini dan memberikan kerjasama kepada Jabatan Akauntan Negara dalam melaksanakan SPA," katanya pada sidang media di Parlimen semalam.

Terdahulu berlangsung mesyuarat antara PAC, Jabatan Akauntan Negara dan pakar SPA Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Dr Wayne Bartlett yang membincangkan sistem berkenaan menerusi pengalaman di beberapa negara lain.

Sehingga kini 12 negara maju dan membangun termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, New Zealand, Switzerland, Afrika Selatan dan Kanada sudah melaksanakan SPA yang mengiktiraf dan merekod urus niaga apabila tunai diterima atau dibayar dalam tempoh perakaunan itu dengan New Zealand menjadi negara perintis sejak 1995.

6. 1,791 mohon geran SUPERB



Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) menerima 1,791 permohonan untuk Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) bagi suku pertama 2014 yang menawarkan geran berjumlah RM30 juta tahun ini.

Daripada jumlah itu, sebanyak 60 peratus atau 1,050 permohonan diterima daripada usahawan muda dari Lembah Klang dan Wilayah Tengah; 30 peratus atau 503 permohonan dari lima Wilayah Ekonomi Koridor dan 238 permohonan atau 10 peratus lagi tidak menepati kriteria SUPERB.

Mengikut TERAJU, permohonan tertinggi diterima daripada Lembah Klang dan Wilayah Tengah, diikuti Wilayah Ekonomi Koridor Utara (241), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (109), Iskandar Malaysia (84), Koridor Pembangunan Sabah (43) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (26).

"Permohonan bagi bantuan kewangan dalam bentuk geran menerusi SUPERB bagi suku pertama 2014 dibuka pada 2 Februari dan ditutup pada 21 Februari lalu," kata agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri itu kepada BH.

SUPERB dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 27 Januari lalu, menawarkan geran dengan peruntukan dana RM100 juta bagi tempoh tiga tahun.

Pemilihan ikut merit

Untuk tahun ini, RM30 juta daripada jumlah dana yang diperuntukkan itu akan diagih kepada syarikat permulaan Bumiputera yang layak dengan permohonan dibuka bagi setiap suku tahunan.

SUPERB dilancarkan bertujuan membina satu Komuniti Keusahawanan Bumiputera Baharu yang menyertai bidang baharu berasaskan pengetahuan dalam teknologi hijau; maklumat dan komunikasi; bioteknologi dan sektor yang termasuk dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Husni Salleh, berkata pemilihan usahawan Bumiputera berdasarkan merit dibantu oleh Jawatankuasa Pemilihan SUPERB (SSC) yang dianggotai oleh panel yang berjaya dalam perniagaan masing-masing.



Rabu, 12 Mac 2014

#### **7. Rm1.48 Trilion Unjuran Dagangan Negara 2014**

Perdagangan Malaysia diunjur berkembang antara lima hingga enam peratus kepada RM1.48 trilion tahun ini, disokong oleh jangkaan jumlah dagangan lebih besar dengan rakan dagangan utama ASEAN dan China.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Ir Hamim Samuri, berkata eksport negara tahun ini juga dijangka mencatat prestasi lebih baik berbanding tahun sebelumnya.

Perdagangan berkembang

Tahun lalu, jumlah perdagangan Malaysia berkembang lebih 4.6 peratus kepada RM1.36 trilion, berbanding RM1.309 bilion pada 2012.





Khamis, 13 Mac 2014

### 8. Pasaran Modal Malaysia Rm2.7 Trilion

Pasaran modal Malaysia berkembang 10.5 peratus kepada RM2.7 trilion tahun lalu, dengan beberapa segmen pasaran utama merekodkan pertumbuhan berterusan, disokong oleh asas domestik yang kukuh.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) berkata, pasaran juga kekal berdaya tahan, meskipun berdepan persekitaran tidak menentu yang menjejaskan beberapa pasaran sedang pesat membangun di seluruh dunia.

Pasaran bon mencecah RM1 trilion pada akhir tahun lalu dan mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran ketiga terbesar di Asia dibandingkan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Prestasi terbaik di Asia

Permodalan pasaran ekuiti berkembang kepada RM1.7 trilion dengan indeks penanda aras meningkat 10.5 peratus, menjadikannya antara pasaran yang merekodkan prestasi terbaik di Asia.

"Pasaran modal terus menjadi sumber utama pembiayaan dengan RM94 bilion dijana menerusi bon korporat serta tawaran awam permulaan (IPO). Terbitan bon merangkumi 91 peratus daripada pembiayaan yang dijana," kata SC dalam Laporan Tahunan 2013 yang diterbitkan semalam.



Jumaat, 14 Mac 2014

### 9. TNB perkenal sistem Grid Pintar

Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan memulakan projek perintis sistem Grid Pintar di Putrajaya dan Melaka pada Jun ini, sekali gus bakal merealisasikan hasrat Malaysia untuk memiliki teknologi cekap tenaga termaju.

Teknologi Grid Pintar adalah sistem moden yang digunakan secara meluas di negara maju, khususnya Eropah, bagi mendapatkan maklumat penggunaan tenaga, mengawal selia dan menyelaraskan pengedaran bekalan tenaga secara automatik dengan dibantu oleh penggunaan meter pintar.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Roslan Ab Rahman, berkata kumpulan merancang membangunkan teknologi itu secara percubaan dalam skala kecil bagi mengkaji keberkesanan

dan kesannya kepada syarikat serta pengguna.

Seluruh negara

Katanya, ia membabitkan pemasangan 1,000 meter pintar di Putrajaya dan Melaka yang mana selepas setahun, hasil kajian akan dibentangkan kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) serta Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk memuktamadkan keputusan membangunkannya ke seluruh negara.

"Pelaksanaan pada peringkat nasional akan memberikan kesan ekonomi yang besar, justeru pembangunannya perlu dilaksanakan dengan teliti. Kita bukan hanya melihat kepada keberkesanan sistem ini, tetapi juga kosnya kelak yang mungkin tidak mampu ditanggung syarikat.

"TNB masih dalam fasa awal membangunkan projek ini dan tumpuan sekarang adalah untuk mencapai kecekapan tenaga menerusi sistem ini," katanya sambil menambah projek perintis itu membabitkan kos pembangunan RM2 juta.

Beliau berkata demikian pada sidang media pelancaran seminar 'Penggunaan Tenaga Secara Cekap' untuk pelanggan industri dan komersial di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Ketua Setiausaha KeTTHA, Datuk Loo Took Gee.

Kaji semula guna tenaga

Seminar sehari itu bermatlamat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berhubung kecekapan tenaga dalam kalangan pengguna kuasa besar merangkumi sektor komersial dan industri bagi kawasan Putrajaya.

Ia menyediakan platform perkongsian maklumat hasil kerjasama TNB, Malaysia Association of Energy Service Companies (MAESCO), dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Sementara itu, Took Gee berkata, negara memerlukan kerjasama pihak industri dan pelanggan untuk mengkaji semula penggunaan tenaga mereka serta operasi perniagaan supaya selari dengan hasrat kerajaan untuk mencapai penjimatan penggunaan tenaga.

Katanya, kerajaan perlu merasionalisasikan subsidi tenaga susulan peningkatan harga bahan api dunia dan kecekapan tenaga akan membantu pihak industri serta pengguna mencapai tahap daya saing tinggi dan kemapanan operasi.



Selasa, 18 Mac 2014

#### **10. KTMB perlu RM400 juta baiki landasan di Pantai Timur**

Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) sedang menyediakan kertas kerja bagi cadangan permohonan dana RM400 juta daripada kerajaan untuk memperbaiki laluan bahagian Pantai Timur secara besar-besaran.

Pengerusinya, Datuk Ir Nawawi Ahmad (gambar), berkata jika kerajaan bersetuju dengan cadangan itu, ia akan menjadi keutamaan kumpulan itu.

Ia susulan projek pembaikan infrastruktur dan landasan bagi laluan Gemas, Negeri Sembilan ke Tumpat, Kelantan terjejas teruk sejak 1989.

*KTMB perlu memberi penekanan kepada laluan Pantai Timur dengan jarak landasan 529 kilometer" Ir Nawawi Ahmad, Pengerusi KTMB*

#### **Sedia kertas kerja**

"Kita sedang menyediakan kertas kerja itu untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Sememangnya KTMB perlu memberi penekanan kepada laluan Pantai Timur dengan jarak landasan sepanjang 529 kilometer

kerana wilayah itu juga mengharapkan perkhidmatan pengangkutan kereta api," katanya kepada media di Akademi KTM, Batu Gajah, kelmarin.

Beliau berkata, kerja penyelenggaraan infrastruktur dan landasan termasuk pembaikan bagi laluan di kawasan tertentu adalah proses berterusan di samping langkah waspada sentiasa diambil.

Namun, jelasnya, perubahan masa turut menuntut penggantian secara besar-besaran dilakukan. Kini perkhidmatan kereta api dari Kuala Lumpur ke Tumpat mengambil masa antara 12 hingga 14 jam memandangkan kelajuan yang rendah berikutan landasan tidak baik.

### **Jadi tumpuan KTMB**

Kerja menaik taraf secara besar-besaran perlu dilaksanakan dan menjadi tumpuan KTMB supaya perkhidmatan pengangkutan kereta api bagi segmen wilayah Pantai Timur lebih sempurna pada masa depan.

Mengenai kadar tambang bagi penumpang kereta api yang tidak pernah dinaikkan sejak 32 tahun lalu, beliau berkata, walaupun KTMB beroperasi dalam keadaan rugi, kepentingan rakyat juga perlu diambil kira.

"Kita mohon kerajaan mempertimbangkan masalah kita seperti perkhidmatan lebuhraya yang mana pembayaran pampasan diberikan supaya syarikat dapat bertahan," katanya



**Khamis, 20 Mac 2014**

### **11. Pertumbuhan ekonomi 4.5% hingga 5.5%**

Ekonomi negara dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan stabil tahun ini dengan berkembang pada kadar 4.5 hingga 5.5 peratus berbanding 4.7 peratus tahun lalu, dengan permintaan domestik terus menjadi pemacu utama pertumbuhan.

Beri manfaat pada negara

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz (gambar), berkata pembaharuan dan inisiatif diperkenalkan oleh kerajaan sebelum ini banyak memberi manfaat kepada ekonomi negara, dengan menyediakan persekitaran kondusif untuk pelaburan swasta, selain ekonomi terus meraih manfaat daripada pemulihan global yang berlaku secara beransur-ansur.



Isnin, 24 Mac 2014

## 12. PRK Balingian: Kelewatan projek tidak disengajakan: Menteri

Mukah: Barisan Nasional (BN) mengakui berlaku sedikit kelewatan dalam pelaksanaan beberapa projek pembangunan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Balingian.

Bagaimanapun, ia bukan bermakna kerajaan meminggirkan keperluan penduduk setempat, malah usaha sentiasa digerakkan bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri, berkata BN tidak berpegang terhadap konsep politik bermusim dan ia dibuktikan menerusi pelaksanaan pelbagai program pembangunan di seluruh negara, terutama kawasan luar bandar.

Tetap laksana pembangunan

"Pembangunan tetap dilaksanakan tanpa mengira kawasan itu dikuasai BN atau pembangkang kerana kita mengutamakan rakyat.

"Bagaimanapun, ada projek pembangunan tertentu mengalami kelewatan dan ia bukan disengajakan, sebaliknya disebabkan beberapa kekangan termasuk faktor kos, isu tanah dan prosedur bagi tujuan kelulusan," katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri Program Pemimpin Bersama Rakyat di Kampung Tutus Hilir, di sini sempena Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Balingian.

Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof dan calon BN bagi kerusi DUN Balingian, Yussibnosh Balo, hadir sama.

Nancy turut menafikan dakwaan pembangkang kononnya pembangunan di kawasan ini adalah disebabkan BN terdesak mendapatkan sokongan rakyat.

"Balingian sudah lama menjadi antara kubu terkuat BN Sarawak manakala pembangunan diumumkan sebelum ini sudah lama dirancang.

"Pembangkang cuba mengelirukan rakyat dan mahu 'menumpang tuah' projek dibangunkan kerajaan untuk mendapat nama dan menjadi popular," katanya.

Beliau berkata, PKR menyertai PRK Balingian hanya untuk mengacau penguasaan BN dan ia membuktikan pembangkang tidak serius dalam agenda meningkatkan taraf hidup rakyat.



Isnin, 24 Mac 2014

### 13. Insentif RM6,000 tanam buah-buahan



Ismail Sabri (empat dari kanan) melihat proses cantuman dewasa pokok durian 'Musang King' sempena Majlis Pelancaran Program Bantuan Tanam Semula Buah-Buahan Terpilih di UluDong, semalam. - Foto Naziru Roselan

Langkah kurangkan import RM1.8b setahun

Raub: Setiap pekebun kecil yang mempunyai tanah kurang daripada lima hektar, akan diberi bantuan RM1,000 hingga RM6,000 setiap hektar sebagai insentif menanam buah-buahan untuk dieksport. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pemberian insentif itu antara tiga strategi mengurangkan perbelanjaan mengimport buah-buahan RM1.8 bilion setahun.

Kita sasarkan dalam tempoh empat tahun pokok buah-buahan mereka mampu mengeluarkan hasil sekali gus dapat dieksport atau memenuhi pasaran tempatan" Ismail Sabri Yaakob, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tingkat eksport

Selain itu, katanya, ia bagi meningkatkan nilai eksport yang kini RM615 juta setahun.

Katanya, pihaknya sudah mengenal pasti 8,000 hektar tanah untuk diusahakan dengan tanaman buah-buahan membabitkan 6,000 pekebun kecil yang akan dipantau Jabatan Pertanian di kawasan masing-masing.

"Kerajaan menyediakan RM28 juta bagi memberi bantuan benih buah-buahan berkualiti, baja, alatan pertanian, infrastruktur asas dan kerja pembersihan di kawasan terbabit.

"Kita sasarkan dalam tempoh empat tahun pokok buah-buahan mereka mampu mengeluarkan hasil sekali gus dapat dieksport atau memenuhi pasaran tempatan," katanya ketika merasmikan Program Bantuan Tanam Semula Pokok Buah-Buahan di Kampung Pamar Rawas, dekat sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, strategi lain dirangka kementeriannya menggalakkan pekebun mengusahakan tanaman buah-buahan seperti disasarkan menerusi Dasar Agromakanan Negara dan mempromosikan pemilik tanah menanam pokok buah-buahan mereka menerusi proses cantuman dewasa.

Tuai hasil cepat

"Proses itu boleh dilakukan terhadap pokok buah-buahan sedia ada dan ia mampu mengeluarkan hasil dalam tempoh empat tahun iaitu lebih singkat daripada penanaman mengikut kaedah biji benih atau cantuman tunas.

"Pelaksanaan strategi itu dijangka dapat meningkatkan pengeluaran buah-buahan sehingga 12.9 tan metrik sehektar menjelang 2020 berbanding hanya 9.6 tan metrik pada 2010," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan memfokuskan kepada buah-buahan bermutu tinggi dan mendapat permintaan luar negara antaranya durian 'musang king', mangga, cempedak, rambutan, limau, duku langsung dan dokung.



Isnin, 24 Mac 2014

#### **14. Agenda perkasa kontraktor Bumiputera**

Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah Kementerian Kerja Raya memperkenalkan Program Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi tahun ini sebagai langkah memperkasakan kontraktor Bumiputera di negara ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof, berkata program berkenaan menyediakan satu pangkalan data sebagai rujukan kepada agensi dan syarikat berkaitan kerajaan bagi mendapatkan senarai kontraktor Bumiputera yang berprestasi tinggi.

Bantu kerajaan

"Pangkalan data ini diharap dapat membantu kerajaan untuk mengurangkan masalah projek sakit dan seterusnya dapat menggalakkan percambahan kontraktor Bumiputera yang berdaya saing," katanya ketika berucap merasmikan Program Khidmat Masyarakat anjuran PKK dan Akademi Binaan Malaysia



(ABM) Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB) di Kampung Pulat Balingian, di Mukah, semalam.

Katanya, PKK turut mewujudkan Program Inspektorat Taraf Bumiputera bagi melaksanakan pengauditan ke atas taraf Bumiputera sesebuah syarikat kontraktor khususnya dalam kalangan mereka yang memperoleh kontrak kerajaan.



Rabu, 26 Mac 2014

### 15. Rm198.6 Bilion Perbelanjaan Modal Sektor Huluhan O&G



Perbelanjaan modal (capex) bagi sektor huluhan perniagaan minyak dan gas (O&G) di Malaysia untuk tempoh lima tahun akan datang diunjurkan meningkat kepada kira-kira AS\$60 bilion (RM198.6 bilion).

Perdana Menteri, DATuk Seri Najib RAZak, berkata peningkatan perbelanjaan modal itu berikutan akses terhadap sumber O&G yang semakin sukar dan terhad, sekali gus mendorong terhadap penggunaan lebih banyak inovasi dan teknologi.

#### **16. Projek EOR penyumbang besar pengeluaran domestik, PETRONAS**

KUALA LUMPUR: Petroliam Nasional Bhd (PETRONAS), menjangkakan projek minyak dipertingkat (EOR) bakal menjadi penyumbang besar kepada pengeluaran minyak domestik dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang.

Naib Presiden Eksekutif, Perniagaan Eksplorasi dan Pengeluaran Datuk Wee Yiew Hin berkata projek EOR berpotensi menghasilkan sehingga 90,000 tong setiap hari dari lapangan minyak matang. "Ini adalah kira-kira 20 hingga 30 peratus daripada pengeluaran kami dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang," katanya pada Persidangan Teknologi Luar Pesisir Asia 2014 di sini, hari ini.

Katanya PETRONAS sedang membangunkan dua lagi projek EOR tahun ini selepas projek pengenalan EOR Tapis, di luar pesisir Terengganu tahun lalu.

Menurutnya antara projek baharu ialah EOR Baronia, di luar pesisir Sarawak yang kini dalam fasa reka bentuk.

Petronas mempunyai operasi di lebih 60 negara, mengeluarkan 2.21 juta tong setiap hari, dengan operasi domestik menyumbang 1.62 juta tong.

Projek EOR sulung syarikat itu di lapangan minyak Tapis dijangka memulakan operasi tahun ini, meningkatkan pengeluaran lapangan minyak matang sehingga 35,000 tong sehari pada 2016 atau 2017 berbanding 3,000 tong hingga dan 4,000 tong pada masa ini.

### 17. Untung suku kedua Gamuda RM200.80 juta

Gamuda Bhd mencatat peningkatan untung sebelum cukai bagi suku kedua berakhir 31 Januari 2014 kepada RM200.80 juta daripada RM187.22 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Pendapatan syarikat meningkat kepada RM517.62 juta dalam suku berkenaan berbanding RM500.18 juta bagi tempoh sama tahun lalu, kata syarikat itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia semalam. Mengikut Gamuda, perolehan sesaham susut sedikit kepada 7.41 sen bagi suku yang dikaji daripada 7.52 sen sebelumnya.

Bagi tempoh enam bulan antara Ogos 2013 dan Januari 2014, keuntungan sebelum cukai Gamuda meningkat kepada RM392.26 juta daripada RM360.46 juta tahun lalu, manakala pendapatan bertambah kepada RM1.0 bilion daripada RM953.44 juta.

Peningkatan keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan semasa setakat ini adalah hasil sumbangan yang lebih tinggi daripada semua bahagian, kata syarikat itu.

Kumpulan itu menjangkakan prestasi yang lebih baik bagi tempoh hingga akhir tahun ini, hasil daripada beberapa projek pembinaan yang sedang dilaksanakan, jualan harta belum dibilkan yang banyak dan pendapatan berterusan daripada konsesi air dan lebuhraya.